



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

PELUNCURAN DASAR KETERJAMINAN MAKANAN NEGARA 2030: MEMBINA EKOSISTEM KETERJAMINAN MAKANAN YANG MAMPAN

KUALA LUMPUR, 29 JANUARI 2026 – Kerajaan hari ini secara rasmi melancarkan **Dasar Keterjaminan Makanan Negara 2030 (DKMN 2030)**, sebuah dokumen strategik yang menjadi kompas utama dalam memacu transformasi sektor agromakanan bagi memastikan keterjaminan makanan negara. Majlis peluncuran ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Amar Haji Fadillah Haji Yusof, Timbalan Perdana Menteri II dan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air di Royal Chulan Hotel Kuala Lumpur.

DKMN 2030 merupakan kesinambungan kepada usaha transformasi sektor pertanian dengan berpandukan kepada enam (6) dimensi utama keterjaminan makanan iaitu ketersediaan, kebolehcapaian, penggunaan, kestabilan, kemampunan dan agensi. DKMN 2030 menyenaraikan misi, strategi dan pelan tindakan yang dijangka kepada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang mengukur prestasi dalam empat (4) aspek utama, iaitu **sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan rakyat** khususnya kumpulan sasar dalam sektor pertanian dan agromakanan, memastikan **keterjaminan makanan** dalam negara dan mendokong sektor **pertanian yang berteknologi tinggi dan mampan**.

Dasar ini membawa anjakan paradigma yang melangkaui aspek produktiviti dengan menekankan kemampunan melalui pertanian pintar dan amalan regeneratif, di samping melonjakkan kesejahteraan petani melalui pemodenan sektor demi menoktahkan kemiskinan. Sebagai pemacu ekonomi yang dinamik, dasar ini bermatlamat memperkukuh rantai nilai agromakanan bagi menyumbang secara signifikan kepada KDNK negara serta memastikan akses rakyat kepada makanan yang selamat, berkualiti dan berkhasiat sentiasa terjamin.

Kelestarian ini turut diperkukuh melalui pengurusan sisa makanan yang cekap serta pemeraksanaan inisiatif bank makanan bagi membina ekosistem bekalan yang lebih bertanggungjawab dan mampan. Kerajaan sedang menggubal **Akta Keterjaminan Makanan Negara** sebagai asas untuk memelihara keterjaminan makanan negara dan

menjamin bahawa sistem bekalan makanan Malaysia sentiasa mampan bagi generasi akan datang.

Melalui pelaksanaan DKMN 2030 ini, nilai ditambah sektor pertanian negara disasarkan untuk mencapai sebanyak **1.5% menjelang 2030** di bawah Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13). Kejayaan dasar ini bergantung kepada pendekatan ***Whole-of-Government and Whole-of- Society (WOGOS)*** yang melibatkan kerjasama rentas kementerian serta kolaborasi strategik dengan sektor swasta.

Aspirasi ini bukan sahaja bertujuan untuk menjamin kecukupan makanan yang selamat dan berkhasiat, malah sebagai pemangkin kepada kemakmuran ekonomi negara yang lebih inklusif dan lestari.

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

